

POLISI

# POLISI ANTI-RASUAH DAN KORUPSI

NO. RUJUKAN.: SCG/Policy/01

TARIKH KUATKUASA: 20 MEI 2025

ISU: 01  
SEMAKAN: 01

Diterjemahkan daripada *Sunway Construction Group Berhad's Anti-Bribery and Corruption Policy* yang telah diluluskan Lembaga Pengarah pada 7 Januari 2020 dan disemaksemula pada 20 Mei 2025

## Kandungan

|      |                                                                       |    |
|------|-----------------------------------------------------------------------|----|
| 0.0  | Pengenalan dan Tujuan.....                                            | 4  |
| 1.0  | SKOP .....                                                            | 4  |
| 2.0  | Definisi .....                                                        | 5  |
| 3.0  | Kenyataan Polisi .....                                                | 6  |
| 4.0  | Hadiah, Layanan dan Hospitaliti .....                                 | 6  |
| 5.0  | Derma, Penajaan & Tanggungjawab Korporat .....                        | 8  |
| 6.0  | Sumbangan Politik .....                                               | 9  |
| 7.0  | Bayaran Pemudahan & Suapan .....                                      | 9  |
| 8.0  | Pengubahan Wang Haram .....                                           | 10 |
| 9.0  | Urusan dengan Rakan Niaga & Pihak Ketiga .....                        | 10 |
| 10.0 | Urusan dengan Pegawai Awam .....                                      | 11 |
| 11.0 | Pengambilan Pekerja .....                                             | 11 |
| 12.0 | Polisi Pendedahan Maklumat: Mengemukakan Kekhuatiran Atau Aduan ..... | 11 |
| 13.0 | Latihan & Komunikasi .....                                            | 12 |
| 14.0 | Tanggungjawab Terhadap Polisi .....                                   | 12 |
| 15.0 | Pasukan Unit Pematuhan ('CFT') .....                                  | 13 |
| 16.0 | Semakan & Pantauan Sistemetik .....                                   | 13 |
| 17.0 | Penyimpanan Rekod .....                                               | 13 |
| 18.0 | Tarikh Kuatkuasa .....                                                | 14 |
| 19.0 | Penterjemahan dan Bahasa .....                                        | 14 |

M/S | 2

Rekod Pindaan

| Mukasurat | Isu / Semakan | Butiran Pindaan                                                                                     | Tarikh Isu / Semakan |
|-----------|---------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|
| SEMUA     | 00/00         | Isu Pertama                                                                                         | 07 Jan 2020          |
| M/S       | 01/01         | Penambahan Carta Struktur Organisasi Pasukan Unit Pematuhan SCG ( <i>Compliance Function Team</i> ) | 20 Mei 2025          |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |
|           |               |                                                                                                     |                      |

## 0.0 PENGENALAN DAN TUJUAN

SUNWAY CONSTRUCTION GROUP BERHAD telah mengamalkan polisi TOLERANSI SIFAR terhadap semua bentuk rasuah dan korupsi. Sunway Construction Group Berhad (selepas ini dirujuk sebagai “SCG” atau “Syarikat”) komited untuk mengendalikan perniagaannya selaras dengan semua undang-undang, peraturan dan piawaian etika mengikut standard yang tertinggi dan Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan (CCBE) SCG menetapkan prinsip-prinsip teras mengenainya. Polisi Anti Rasuah & Korupsi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Polisi ABC” atau “Polisi”) memperincikan/menjelaskan prinsip-prinsip berkenaan.

M/S | 4

Tujuan Polisi ABC ini adalah untuk memberikan panduan kepada pekerja SCG dan/atau mana-mana individu yang berkait dengan SCG (selepas ini dirujuk sebagai “Rakan Niaga” – seperti yang ditakrifkan/didefinisi dalam Seksyen 3) mengenai cara menangani isu rasuah dan korupsi yang mungkin timbul dalam urusan perniagaan. Ia menekankan komitmen SCG terhadap pematuhan sepenuhnya oleh Pekerja dan Rakan Niaga terhadap **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan pindaan melalui Akta SPRM (Pindaan) 2018** serta mana-mana undang-undang anti rasuah atau anti korupsi lain yang berkaitan. Polisi ini melengkapi dan perlu dibaca bersama-sama dengan Etika Perniagaan (CCBE) dan Polisi Pendedahan Maklumat syarikat, yang salinannya boleh didapati daripada laman web [www.sunwayconstruction.com.my](http://www.sunwayconstruction.com.my).

## 1.0 SKOP

- 1.1 Polisi ini terpakai kepada Pekerja dan Rakan Niaga SCG dan mencerminkan taraf pematuhan yang dijangka SCG terhadap Pekerja dan Rakan Niaganya ketika berurusan bagi pihak SCG. Rakan Niaga SCG seperti, rakan kongsi, ejen, vendor, pembekal, kontraktor, perunding dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang lain dikehendaki menandatangani perjanjian berasingan bagi memastikan pematuhan kepada Polisi ini, mengikut kesesuaian.
- 1.2 Polisi ini bertujuan untuk melengkapi undang-undang, peraturan-peraturan, dan lain-lain polisi dalaman yang berkenaan, dan bukan bertujuan untuk menggantikan mana-mana undang-undang tempatan atau antarabangsa.

*Lebih muka surat ini sengaja dibiarkan kosong*

## 2.0 DEFINISI

|                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|---------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Rakan Niaga</b>                                            | Rakan niaga, rakan kongsi, ejen, vendor, pembekal, kontraktor, perunding dan mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga lain atau individu-individu yang menyediakan perkhidmatan bagi pihak SCG.                                                                                                                                                                                                                                                                    |
| <b>Rasuah</b>                                                 | Tindakan memberi, bersetuju untuk memberi, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana individu sebarang bentuk ganjaran (termasuk bayaran wang tunai, hadiah, atau layanan berlebihan, atau sebarang bentuk sogokan lain) dengan niat (a) untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan bagi syarikat; atau (b) untuk mendapatkan atau mengekalkan kelebihan dalam urusan perniagaan syarikat.                                                                       |
| <b>Korupsi</b>                                                | Penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk keuntungan peribadi.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| <b>“Kontraktor” atau “Penyedia Perkhidmatan Pihak Ketiga”</b> | Individu atau entiti yang menyediakan dan menerima bayaran untuk perkhidmatan atau barangan berkaitan dengan mana-mana aspek operasi SCG, dan termasuklah subkontraktor.                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| <b>Pekerja</b>                                                | Semua pekerja termasuk pengarah syarikat dan anak-anak syarikat.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| <b>Perbelanjaan Layanan / Hospitaliti</b>                     | Makanan, minuman, penginapan, perjalanan atau perbelanjaan lain yang diberi atau diterima daripada orang yang mempunyai, atau yang mungkin telah memudahkan dalam mewujudkan hubungan perniagaan dengan Kumpulan. Ini termasuklah perbelanjaan yang ditanggung oleh bakal pelanggan, klien atau rakan perniagaan. Perbelanjaan boleh menjadi sumbangan sah dalam mencapai hasil perniagaan dan juga melibatkan kehadiran di acara-acara sosial, kebudayaan atau sukan. |
| <b>Ahli Keluarga</b>                                          | Termasuk pasangan, anak (termasuk anak tiri dan anak angkat), ibu bapa, ibu bapa tiri, adik-beradik, adik-beradik tiri, datuk dan nenek, cucu, ipar, bapa saudara, ibu saudara, anak saudara perempuan, anak saudara lelaki, dan sepupu pertama, dan mana-mana individu yang merupakan sebahagian daripada isi rumah.                                                                                                                                                  |
| <b>Hadiah</b>                                                 | Wang, barangan atau perkhidmatan yang, jika diberikan sewajarnya, dianggap sebagai tanda penghargaan atau persahabatan. Justeru, niat di sebalik pemberian hadiah tersebut perlu diambil kira supaya ia tidak mewujudkan keraguan atau ketidakwajaran.                                                                                                                                                                                                                 |
| <b>Pengubahan Wang Haram</b>                                  | Merupakan proses di mana sumber wang, harta tanah atau aset-aset lain yang diperolehi daripada aktiviti haram dan jenayah ke dalam kitaran kewangan dan perniagaan yang sah untuk menjadikannya kelihatan sah. Ia adalah proses untuk membersihkan wang ‘kotor’ bagi menyembunyikan asal-usul jenayahnya.                                                                                                                                                              |
| <b>Pegawai-pegawai Awam Kerajaan</b>                          | Termasuklah pegawai kepada Badan-badan Awam, calon-calon untuk jawatan awam, pegawai mana-mana parti politik dan pegawai bagi mana-mana syarikat milik negeri.                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| <b>Badan Awam<sup>1</sup></b>                                 | Termasuklah Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri, mana-mana pihak berkuasa tempatan atau berkanun, jabatan persekutuan atau negeri, persatuan-persatuan berdaftar, badan pentadbir sukan berdaftar, syarikat atau anak syarikat mana-mana badan awam.                                                                                                                                                                                                                    |

M/S | 5

<sup>1</sup> Seperti yang didefinisikan di dalam “Guideline On Adequate Procedures Pursuant to Subsection (5) of 17A under the MACC Act 2009” yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 4 Disember 2018

## 3.0 KENYATAAN POLISI

3.1 SCG telah mengamalkan polisi TOLERANSI SIFAR terhadap semua bentuk rasuah dan korupsi. Pekerja dan Rakan Niaga SCG DILARANG menawarkan, menjanjikan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu, dan DILARANG meminta, bersetuju untuk menerima atau mengambil rasuah daripada mana-mana individu. Rasuah adalah suatu jenayah yang boleh membawa kepada penalti yang berat termasuk hukuman penjara dan penalti kewangan yang besar. Penalti-penalti ini boleh dikenakan ke atas sesebuah syarikat, pekerjaanya dan rakan niaganya ataupun kombinasi kesemuanya, mengikut keadaan. Semua Pekerja diingatkan bahawa mereka tertakluk kepada tindakan tatatertib yang tegas, termasuk pembuangan kerja ataupun tindakan sivil atau jenayah sekiranya didapati melanggar polisi ini.

M/S | 6

3.2 SCG komited mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan perniagaannya tidak terlibat dalam sebarang aktiviti rasuah dan komited melaksanakan prosedur yang mencukupi secara berkesan selaras dengan peruntukan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 yang dipinda.

3.3 Kami mengakui bahawa, dalam sesetengah keadaan, undang-undang tempatan yang terpakai ke atas perniagaan SCG di luar Malaysia berkemungkinan kurang ketat berbanding dengan prinsip yang digariskan dalam Polisi ini. Walaubagaimanapun, SCG dan Rakan Niaganya tetap dijangka untuk mematuhi prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam Polisi ini walaupun pematuhan kepada Polisi ini mungkin melarang tingkah laku yang sebaliknya mungkin dibenarkan undang-undang tempatan sesuatu bidang kuasa. Prinsip dan taraf piawaian amalan terbaik yang digariskan/ditetapkan dalam Polisi ini akan menjadi kriteria utama yang mesti dipatuhi.

## 4.0 HADIAH, LAYANAN DAN HOSPITALITI

4.1 Hadiah, Layanan dan Hospitaliti lazimnya dianggap aspek yang berisiko tinggi untuk berlakunya rasuah. Kumpulan SCG telah mengamalkan polisi "TIADA HADIAH" di mana, tertakluk kepada beberapa pengecualian yang terhad, Pekerja dilarang sama sekali untuk, menerima atau memberi hadiah secara langsung atau tidak langsung. SCG mewajibkan semua pekerjaanya dan pihak pengurusannya untuk mematuhi polisi ini bagi mengelakkan sebarang konflik kepentingan atau gambaran konflik kepentingan oleh mana-mana pihak dalam sesuatu urusan perniagaan yang sedang dikendalikan atau yang berpotensi antara SCG dan pihak luar, memandangkan pemberian hadiah boleh dianggap sebagai satu bentuk rasuah yang boleh mencemarkan reputasi SCG atau melanggar undang-undang anti rasuah dan anti korupsi.

Walaubagaimanapun, SCG mengambil maklum bahawa amalan pemberian dan penerimaan layanan perniagaan seperti hadiah, layanan dan hospitaliti yang bersederhana (termasuk jamuan, jemputan ke acara promosi atau majlis) khususnya pada musim perayaan adalah amalan biasa dan sah bagi mewujudkan hubungan baik dan/atau mengukuhkan hubungan perniagaan dan komersial. Layanan sedemikian dibenarkan sekiranya ia tidak berlebihan, sesuai dan munasabah selaras dengan amalan perniagaan yang diterima pakai dalam perniagaan berkaitan di mana SCG beroperasi, dan tidak bertujuan untuk mempengaruhi keputusan pihak yang terlibat secara tidak wajar.

- 4.2 Pekerja dan Rakan Niaga tidak dibenarkan memberi atau meminta keistimewaan atau menawarkan atau menerima hadiah atau sebarang manfaat atau keuntungan peribadi dalam apa jua bentuk dengan nilai yang boleh mempengaruhi keputusan penerima atau pihak ketiga (contohnya, dengan menyebabkan seseorang bertindak atau gagal bertindak sehingga melanggar kewajipan undang-undang, menyalahgunakan atau menyalahgunakan kedudukan, mendapatkan kelebihan, kontrak atau konsesi secara tidak wajar, dan sebagainya) dalam urusan perniagaan mereka dengan atau bagi pihak SCG atau mana-mana pihak lain.
- 4.3 Peraturan asas berkenaan perbelanjaan Hadiah, Layanan dan Hospitaliti<sup>2</sup> adalah seperti berikut :-
- **Bona fide:** Dibuat dengan niat yang baik: jika ia melibatkan hadiah, layanan atau hospitaliti, ia mestilah jelas diberikan sebagai tanda penghargaan. Jika ianya melibatkan perbelanjaan perjalanan, maka ia mestilah bagi tujuan urusan perniagaan bona fide (niat perniagaan yang baik).
  - **Tiada kewajipan:** Aktiviti tersebut tidak akan menimbulkan sebarang kewajipan atau jangkaan keatas penerima.
  - **Tiada Pengaruh yang tidak wajar:** Perbelanjaan tersebut tidak akan dilihat sebagai bertujuan untuk, atau berpotensi membawa pengaruh yang tidak wajar dalam apa-apa transaksi perniagaan atau penglibatan polisi awam.
  - **Dibuat secara terbuka:** Ia tidak akan dibuat secara rahsia dan tanpa dokumentasi – jika berlaku sedemikian, tujuannya boleh dipersoalkan.
  - **Kesahan:** Ia mematuhi/selaras dengan undang-undang yang berkaitan.
  - **Selaras dengan persepsi pihak berkepentingan:** Aktiviti itu tidak akan dilihat secara negatif oleh pihak berkepentingan sekiranya mereka dimaklumkan mengenainya.
  - **Berkadar/Bersesuaian:** Nilai dan bentuk perbelanjaan itu adalah tidak keterlaluan dengan tujuan atau majlis.
  - **Mematuhi peraturan penerima:** Hadiah, hospitaliti atau bayaran balik perbelanjaan perlu mematuhi peraturan atau tatacara organisasi pihak penerima.
  - **Tidak kerap:** Pemberian atau penerimaan hadiah, hiburan/keraian dan hospitaliti tidak berlaku terlalu kerap di antara pemberi dan penerima.
  - **Dokumentasi:** Perbelanjaan mestilah didokumentasikan sepenuhnya termasuklah tujuan, kelulusan yang diberi dan nilainya.
  - **Disemak:** Rekod perbelanjaan, layanan dan hospitaliti dan keberkesanan polisi dan prosedur berkenaan dikaji oleh pihak pengurusan.
- 4.4 Sekiranya terdapat sebarang keraguan, Pekerja dan Rakan Niaga hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan atau Ketua Unit Perniagaan (BU Head) atau hubungi pihak SCG, yang berkenaan.

---

<sup>2</sup> Dipetik dari *Gifts & Hospitality - Global Anti-Bribery Guidance by Transparency International UK, 2018*

## 5.0 DERMA, PENAJAAN & TANGGUNGJAWAB KORPORAT

5.1 Sebagai sebuah syarikat korporat yang bertanggungjawab, SCG komited dalam berbakti kepada masyarakat di Malaysia dan negara lain di mana ia beroperasi. Namun begitu, semua sumbangan dan penajaan dibuat mengikut polisi SCG dan terlebih dahulu menerima kelulusan daripada pihak Pengurusan SCG atau Lembaga Pengarah.

M/S | 8

5.2 Pekerja wajib memastikan semua tajaan dan derma tidak digunakan sebagai penyamaran aktiviti rasuah atau digunakan untuk memintas atau mengelak sebarang peruntukkan CCBE SCG termasuklah larangan terhadap aktiviti rasuah.

Pekerja SCG perlu memastikan bahawa pemberian sumbangan kepada organisasi kebajikan atau benefisiari tempatan atau luar negara bukanlah penyamaran untuk pembayaran haram atau rasuah kepada pegawai-pegawai awam kerajaan, dan perlu memastikan bahawa organisasi kebajikan tersebut tidak bertindak sebagai saluran untuk membiayai aktiviti haram yang menyalahi undang-undang antarabangsa berkaitan anti-pengubahan wang haram, anti-keganasan dan lain-lain undang-undang yang terpakai.

5.3 Secara amnya, semua bentuk penajaan dan pendermaan haruslah mematuhi perkara berikut:

- sumbangan berkenaan dibenarkan oleh undang-undang berkaitan;
- semua kelulusan dalaman dan luaran mengikut prosedur yang ditetapkan;
- dibuat kepada entiti yang telah ditubuhkan dengan struktur organisasi yang stabil bagi menjamin pengurusan dana dengan betul;
- dinyatakan dengan tepat di dalam buku perakaunan dan rekod syarikat;
- tidak digunakan sebagai kaedah menyembunyikan/menutup pembayaran haram atau rasuah,

Antara amalan yang memberi isyarat bahaya yang perlu diperhatikan adalah seperti berikut:

- Penerima/organisasi yang dicadangkan mempunyai hubungan/kaitan dengan Pegawai awam kerajaan atau ahli keluarga/saudara-mara mereka terlibat;
- Sumbangan dibuat bagi pihak Pegawai Awam Kerajaan;
- Terdapat risiko berlebihan yang tidak wajar ke atas SCG;
- Penerima yang dicadangkan berpangkalan di negara berisiko tinggi, permintaan berasal dari negara berisiko tinggi atau aktiviti tersebut dijalankan di negara berisiko tinggi.

## 5.4 Tanggungjawab Korporat (CR)

- Sebagai salah satu komitmen SCG terhadap tanggungjawab dan pembangunan korporat, SCG secara amnya menyediakan bantuan sedemikian dalam keadaan dan bentuk yang bersesuaian. Walaubagaimanapun, permohonan berkenaan mestilah disemak dengan teliti bagi memastikan kesahihannya dan tidak bertujuan untuk mempengaruhi hasil perniagaan secara tidak wajar.

- Penerima bantuan yang dicadangkan mestilah sebuah organisasi yang sah dan usaha wajar tentang organisasi tersebut mesti dilaksanakan. Permohonan yang telah disahihkan juga perlu distruktur secara teliti untuk memastikan manfaatnya diterima oleh penerima yang ditujukan. Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan berkenaan sama ada sesuatu sumbangan amal itu adalah bersesuaian, sila rujuk kepada Bahagian Pemasaran Jenama dan Komunikasi Kumpulan (GBMC) dan Jabatan Perundangan untuk bantuan.

M/S | 9

Garis panduan terperinci/lengkap tentang Pendermaan, Penajaan dan polisi Tanggungjawab Korporat dan Sosial dijelaskan lagi dalam SSOP SCG [FA 016 – Donations and Contribution] dan CCBE di laman sesawang SCG.

- 5.5 SCG mengkehendaki Pekerjaanya membuat pertimbangan yang wajar dalam menilai permohonan untuk sumbangan, penajaan dan CR. Sekiranya terdapat/timbul keraguan sama ada sumbangan amal atau faedah sosial itu adalah bersesuaian, pekerja perlu mendapatkan nasihat selanjutnya daripada Bahagian Pemasaran Jenama dan Komunikasi Kumpulan (GBMC) dan Jabatan Perundangan untuk bantuan.

## 6.0 SUMBANGAN POLITIK

- 6.1 Secara amnya, SCG tidak membuat atau menawarkan sumbangan politik sama ada dalam bentuk wang, barang atau perkhidmatan kepada parti politik, pegawai parti politik atau calon bagi jawatan politik.
- 6.2 Sekiranya sebarang subangan dibuat, ia mestilah dibenarkan di bawah undang-undang terpakai. Tiada sumbangan boleh dibuat dengan sebarang janji atau jangkaan untuk mendapatkan sebarang bentuk layanan istimewa sebagai balasan, dan setiap sumbangan hendaklah direkodkan dengan tepat serta telus dalam rekod perakaunan syarikat. Walau demikian, tiada Pekerja akan sama sekali diberikan bayaran balik atau pampasan bagi sumbangan politik yang dilakukan secara peribadi.

## 7.0 BAYARAN PEMUDAHAN & SUAPAN

- 7.1 “Bayaran Pemudahan” diterjemahkan sebagai bayaran yang dibuat untuk memastikan atau mempercepatkan perkhidmatan seseorang yang menjalankan rutin atau tugas atau fungsi pentadbiran. “Suapan” adalah kebiasaannya bayaran yang dibuat sebagai balasan terhadap bantuan atau kelebihan bagi perniagaan.
- 7.2 SCG melarang sama sekali Pekerjaanya daripada membuat atau menerima, bayaran pemudahan atau “suapan” dalam apa jua bentuk. Rakan Niaga pula mestilah menghindari sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan bayaran pemudahan atau suapan dibuat atau diterima.
- 7.3 Sebarang permintaan untuk bayaran pemudahan MESTI ditolak dan perkara tersebut MESTI dilaporkan serta-merta kepada Syarikat berdasarkan Polisi dan Prosedur Pendedahan Maklumat (seperti yang disenaraikan dalam Seksyen 12 – “Pendedahan Maklumat: Mengemukakan Keraguan atau Aduan”).

- 7.4 Semua Pekerja diingatkan bahawa menawarkan dan/atau menerima “bayaran pemudahan”/ “suapan” adalah salah laku berat utama seperti yang disenaraikan di dalam Akta Salah laku dalam Polisi & Prosedur Disiplin SCG.

## 8.0 PENGUBAHAN WANG HARAM

M/S | 10

- 8.1 SCG menolak dengan sekeras-kerasnya sebarang amalan yang berkaitan dengan pengubahan wang haram, termasuklah urusan melibatkan hasil aktiviti jenayah.

- 8.2 Bagi mengelak pelanggaran undang-undang anti pengubahan wang haram, Pekerja diharapkan akan sentiasa melakukan usaha wajar ke atas pelanggan dan pihak sejawat dengan sebaiknya dan menentukan asal-usul dan destinasi wang, harta tanah dan perkhidmatan.

Garis panduan lengkap mengenai anti pengubahan wang haram dijelaskan lagi dalam Polisi Anti Pengubahan Wang Haram SCG.

## 9.0 URUSAN DENGAN RAKAN NIAGA & PIHAK KETIGA

- 9.1 Urusan SCG dengan Sekutu dan pihak ketiga, termasuklah kontraktor, pembekal, ejen, perunding, rakan usaha sama, pencadang, pengantara dan sebagainya, mestilah dilaksanakan dengan mematuhi semua undang-undang yang relevan dan konsisten dengan nilai dan prinsip CCBE SCG. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, semua bentuk sogokan dan rasuah tidak boleh diterima dan tidak boleh ditoleransi.

- 9.2 Bagi memastikan SCG hanya berurusan dengan Rakan Sekutu dan pihak ketiga yang berkongsi tahap integriti SCG, kita mesti melakukan yang berikut:

- Melaksanakan usaha wajar yang sesuai, praktikal dan relevan, untuk menilai integriti rakan perniagaan SCG. Jangan memulakan urusan perniagaan dengan mana-mana Sekutu atau pihak ketiga yang disyaki terlibat dengan rasuah dan amalan perniagaan yang tidak betul.
- Semua pihak ketiga dimaklumkan mengenai CCBE SCG dan Polisi ABC ini serta harapan kita terhadap mereka.
- Pemeriksaan latar belakang yang sesuai, sekiranya praktikal dan relevan, hendaklah dijalankan ke atas syarikat, pengarah-pengarah serta pengurusan tertinggi, dan perkara ini boleh dilaksanakan melalui proses serta prosedur usaha wajar sebagaimana yang ditetapkan dalam bidang kuasa masing-masing. Skop dan tahap usaha wajar yang diperlukan akan berbeza bergantung kepada keadaan bagi setiap urusan niaga yang dicadangkan.
- Unit Perniagaan (BU) SCG juga hendaklah memantau Rakan Niaga yang signifikan, khususnya kontraktor dan pembekal, sebagai sebahagian daripada semakan berkala terhadap prestasi Rakan Perniagaan dan pihak ketiga. SCG berhak untuk menamatkan perkhidmatan mereka sekiranya Rakan Perniagaan atau pihak ketiga tersebut didapati memberi rasuah atau bertindak dengan cara yang tidak selaras dengan CCBE dan Polisi ABC ini.

## 10.0 URUSAN DENGAN PEGAWAI AWAM

- 10.1 SCG berusaha untuk membina hubungan yang telus dan adil dengan agensi-agensi kerajaan dan pegawai-pegawai awam. Pekerja dan Rakan Niaga SCG hendaklah sentiasa berwaspada ketika berurusan dengan pegawai awam dan tindakan yang sewajarnya mesti diambil untuk mematuhi undang-undang dan peraturan terpakai berkaitan rasuah dan korupsi di Malaysia dan di semua negara di mana SCG beroperasi.

M/S | 11

## 11.0 PENGAMBILAN PEKERJA

- 11.1 Sebagai sebuah konglomerat pelbagai sektor, SCG menyediakan peluang sama rata kepada mana-mana individu yang layak dan kompeten untuk bekerja dengan syarikat, daripada latar belakang pelbagai budaya dan bangsa, yang didapati dari negara ini mahupun antarabangsa.
- 11.2 Pengambilan pekerja mestilah berasaskan kepada kriteria pemilihan yang diluluskan bagi memastikan hanya individu yang paling layak dan sesuai yang diambil bekerja. Ini adalah penting bagi memastikan tiada unsur rasuah terlibat dalam pengambilan pekerja.
- 11.3 Selaras dengan itu, proses pengambilan pekerja hendaklah:
- Mengikut kesesuaian, pemeriksaan latar belakang yang teliti perlu dilakukan bagi memastikan bakal pekerja itu tidak pernah disabit dengan sebarang kesalahan rasuah dan korupsi di peringkat tempatan atau antarabangsa.
  - Tawaran pekerjaan tidak boleh diberi sebagai balasan untuk, atau sebagai ganjaran kepada faedah yang diterima oleh SCG. Syarikat tidak boleh menawarkan pekerjaan, memperoleh dan/atau mewujudkan kekosongan di dalam Kumpulan sebagai balasan kepada faedah peribadi atau mendapatkan kelebihan secara tidak adil dalam sebarang rundingan perniagaan atau sebagai pendorong kepada perniagaan di masa hadapan.

## 12.0 POLISI PENDEDAHAN MAKLUMAT: MENGEMUKAKAN KERAGUAN ATAU ADUAN

- 12.1 Kejayaan kita dalam membanteras semua bentuk rasuah dan korupsi bergantung pada komitmen peribadi kita untuk mematuhi Polisi ini. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk segera melaporkan sebarang pelanggaran yang disyaki terhadap Polisi ini.
- 12.2 Sekiranya anda mengesyaki sebarang situasi pelanggaran atau mempunyai kekhawatiran mengenai kelakuan yang berkaitan di bawah Polisi ini, atau anda mendapati sebarang tindakan yang bertentangan dengan Polisi ini, anda mesti melaporkan kekhawatiran atau tindakan berkenaan kepada pegawai atasan anda, audit dalaman, sumber manusia atau jabatan perundangan, ataupun melaporkan kebimbangan anda secara rahsia, dengan mengikut prosedur yang ditetapkan di dalam Polisi Pendedahan Maklumat yang boleh didapati melalui laman sesawang SCG, [www.sunwayconstruction.com.my](http://www.sunwayconstruction.com.my).

12.3 Mana-mana Pekerja SCG yang gagal melaporkan kesalahan yang diketahui atau disyaki, boleh tertakluk kepada tindakan disiplin termasuk penamatan pekerjaan atau di buang kerja. Di Malaysia, seseorang yang tahu dan gagal untuk melaporkan tentang tindakan memberi dan menawarkan sogokan adalah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009.

12.4 Sebarang laporan yang dibuat mengikut Seksyen 13.2 akan dikendalikan dengan tahap kerahsiaan paling tinggi. Pekerja atau Rakan Niaga yang melaporkan dengan niat baik dan asas yang kukuh tidak akan menerima padah terhadap kerjanya atau laporannya atau kerana enggan terlibat dengan kelakuan yang dilarang, walaupun keengganan itu menyebabkan kerugian peluang perniagaan kepada Syarikat.

M/S | 12

12.5 Sekiranya anda percaya bahawa anda telah menerima layanan buruk sebagai akibat daripada keengganan untuk terlibat dengan sogokan, atau kerana melaporkan kebimbangan di bawah polisi ini dengan suci hati, anda perlu mengemukakan perkara ini dengan mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Polisi Pendedahan Maklumat yang boleh didapati di laman sesawang Syarikat [www.sunwayconstruction.com.my](http://www.sunwayconstruction.com.my).

## 13.0 LATIHAN & KOMUNIKASI

13.1 Pekerja dan Rakan Niaga SCG akan diberikan program latihan pematuhan anti rasuah yang teratur untuk mendidik mereka mengenai keperluan dan tanggung jawab berkaitan undang-undang anti sogokan dan rasuah dan Polisi ini.

13.2 Bagi memastikan kejayaan pematuhan terhadap polisi ini, Pasukan BU berkenaan akan bertanggungjawab untuk memastikan usaha berterusan dalam menyampaikan, melatih dan mendidik semua Pekerja dan Rakan Niaga SCG.

13.3 Rekod berkenaan program latihan, pendidikan dan komunikasi Pekerja dan Rakan Niaga SCG akan disimpan dan dijaga oleh Jabatan Sumber Manusia SCG sebagai rujukan.

## 14.0 TANGGUNGJAWAB TERHADAP POLISI

14.1 Polisi ini disemak dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit dan pemantauan ke atas Polisi ini telah ditugaskan kepada Jawatankuasa Audit, yang memantau keberkesanan dan pematuhan Polisi ini.


14.2 Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan SCG menetapkan nada di peringkat atas dengan menyediakan kepimpinan dan sokongan terhadap Polisi ini dan bertanggungjawab ke atas keberkesanannya dalam unit perniagaannya. Pengurusan Unit Perniagaan adalah bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan semua aktiviti komunikasi dan latihan untuk memastikan setiap pekerja memahami dan mematuhi Polisi ini.

## 15.0 PASUKAN UNIT PEMATUHAN ('CFT')

15.1 Lembaga Pengarah merupakan badan tadbir urus yang bertanggungjawab untuk menunjukkan kepimpinan dan komitmen berhubung dengan pelaksanaan Polisi ini. Pasukan Unit Pematuhan ialah unit bebas yang mempunyai akses terus kepada Lembaga Pengarah, sekali gus membolehkannya melaporkan mengenai pelaksanaan Polisi Anti-Rasuah & Anti-Korupsi.

M/S | 13

15.2 Berikut adalah struktur organisasi CFT



## 16.0 SEMAKAN & PANTAUAN SISTEMETIK

16.1 SCG mengiktiraf bahawa pengurusan program anti-rasuah dan anti-korupsi adalah satu proses berterusan dan proses semakan serta pemantauan yang sistematik adalah perlu bagi memastikan objektifnya tercapai. Jawatankuasa Audit akan bertanggungjawab untuk menyelia proses semakan terhadap keberkesanan dan pematuhan program serta polisi anti-rasuah dan anti-korupsi. Semakan ini boleh dijalankan sama ada melalui audit dalaman oleh Jabatan Audit Dalaman Kumpulan (GIAD) atau audit bebas oleh pihak luar, jika perlu.

16.2 Semakan terhadap program anti-rasuah dan anti-korupsi hendaklah dimasukkan dalam Pelan Audit GIAD setiap tahun. Skop semakan tersebut harus merangkumi penilaian terhadap reka bentuk, keberkesanan dan pematuhan serta memberi syor penambahbaikan, jika diperlukan, bagi memastikan program dan polisi berkenaan kekal relevan dan mencukupi.

## 17.0 PENYIMPANAN REKOD

17.1 SCG dan unit perniagaan yang berkaitan akan menyimpan rekod kewangan serta mewujudkan kawalan dalaman yang bersesuaian bagi membuktikan alasan perniagaan bagi membuat pembayaran kepada, dan menerima pembayaran daripada, mana-mana pihak.

- 17.2 Semua Pekerja mesti memastikan semua tuntutan perbelanjaan yang berkaitan dengan hospitaliti, hadiah atau perbelanjaan yang dibelajakan ke atas Rakan Niaga dan/atau mana-mana pihak dikemukakan selaras dengan polisi syarikat yang berkuat kuasa serta merekodkan secara khusus alasan bagi perbelanjaan tersebut. Para Pekerja juga hendaklah memastikan bahawa semua tuntutan perbelanjaan mematuhi terma dan syarat Polisi ini.
- 17.3 Semua akaun, invoice, kontrak serta dokumen dan rekod lain yang berkaitan dengan urusan bersama Rakan Niaga dan/atau mana-mana pihak hendaklah disediakan dan diselenggara dengan ketepatan serta kelengkapan yang ketat.
- 17.4 Semua Rakan Niaga diingatkan bahawa tiada rekod boleh disimpan “di luar buku” bagi tujuan memudahkan atau menyembunyikan pembayaran yang tidak wajar. Semua rekod dan system pengurusan rekod hendaklah sentiasa selaras sepenuhnya dengan polisi SCG.
- 18.0 TARIKH KUATKUASA**
- 18.1 Polisi ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan berkuatkuasa pada 20 Mei 2025.
- 19.0 PENTERJEMAHAN DAN BAHASA**
- 19.1 Polisi ini diterjemahkan daripada versi Bahasa Inggeris yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah SCG dan berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan diatas. Sekiranya terdapat sebarang kekeliruan berhubung dengan versi Bahasa Malaysia ini, polisi dalam Bahasa Inggeris akan digunakan.